

Date and Time: Monday, 17 April 2023 10:45:00AM MYT

Job Number: 195047855

Document (1)

1. [Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Iwn NCH Corp \(M\) Sdn Bhd & 7 lagi \[2017\] MLJU 2160](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: 11) Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Iwn NCH Corp (M) Sdn Bhd & 7 lagi [2017] MLJU 2160

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-

LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN v NCH CORPORATION (M) SDN BHD

[CaseAnalysis](#)

| [2017] MLJU 2160

[Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Iwn NCH Corp \(M\) Sdn Bhd & 7 lagi](#) [2017] MLJU 2160

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

NORDIN HASSAN H

RAYUAN SIVIL NO WA-12ANVCV-39-03 TAHUN 2017

25 August 2017

Fadlin Mohd Yunus (Azrul, Afifi & Azuan) bagi pihak perayu.

Seira Sacha Abu Bakar (Vazeer Akbar Majid & Co) bagi pihak responden.

Nordin Hassan H:

PENGHAKIMANPendahuluan

[1]Ini adalah rayuan perayu iaitu plaintif di peringkat mahkamah sesyen terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang menolak permohonan plaintif untuk mendapatkan penghakiman terus di bawah Aturan 14, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Ringkasan Fakta.

[2]Berdasarkan pliding dan affidavit-afidavit yang difailkan di mahkamah, fakta relevan dalam kes ini adalah seperti berikut :

- (i) Responden pertama adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai pekerja-pekerja yang perlu dibuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (ii) Responden kedua hingga ke lapan adalah pengarah-pengarah kepada responden pertama dalam tempoh tertentu antara bulan Februari 2005 hingga Disember 2012.
- (iii) Dalam tempoh bulan Februari 2005 hingga Disember 2012 tersebut, terdapat tunggakan bayaran caruman KWSP yang tidak dibayar oleh responden pertama untuk pekerja-pekerjanya dan jumlah keseluruhan termasuk dividen dan caj lewat bayar adalah RM92,468.00.
- (iv) Butiran nama pekerja responden pertama dan jumlah caruman yang tertunggak dari bulan Februari 2005 hingga Disember 2012 tersebut dinyatakan dalam Borang E, KWSP 7 yang dilampirkan dalam affidavit Nadia binti Puaad, pegawai undang-undang plaintif.
- (v) Seterusnya, plaintif telah mengemukakan notis kepada responden pertama untuk membuat pembayaran tunggakan wang caruman berkenaan melalui surat bertarikh 19.10.2012.
- (vi) Responden pertama telah mengambil maklum berhubung notis pembayaran ini tetapi melalui surat peguam responden pertama bertarikh 21.2.2013, dinyatakan bahawa bayaran insentif adalah tidak termasuk dalam definisi 'upah' di bawah seksyen 2, [Akta KWSP 1991](#).
- (vii) Di dalam affidavit jawapan responden-responen yang lain juga, dinyatakan juga bahawa insentif yang dibayar kepada pekerja-pekerja bukan merupakan 'upah' (wages) di bawah seksyen 2 berkenaan.

....

- (viii) Sebelum itu juga plaintif telah mengemukakan notis tuntutan bertarikh 1.10.2013 kepada responden-responden.
- (ix) Selanjutnya, pada 3.12.2013, plaintif telah memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap responden-responden.
- (x) Tuntutan plaintif terhadap responden kedua hingga kelapan adalah mengikut jumlah caruman tertunggak dalam tempoh mereka memegang jawatan sebagai pengarah syarikat responden pertama iaitu seperti berikut :
 - (a) Responden kedua dan ketiga bersama responden pertama untuk tempoh taksiran dari Februari 2005 hingga Disember 2012 berjumlah RM92,468.00.
 - (b) Responden keempat untuk tempoh taksiran dari bulan Februari 2005 hingga April 2005 berjumlah RM2,279.00.
 - (c) Responden kelima untuk tempoh taksiran dari bulan Februari 2005 hingga Disember 2008 berjumlah RM62,357.00.
 - (d) Responden keenam untuk tempoh taksiran dari bulan Julai 2005 hingga Disember 2012 berjumlah RM88.426.
 - (e) Responden ketujuh untuk tempoh taksiran dari bulan Januari 2009 hingga Disember 2012 berjumlah RM29,931.00.
 - (f) Responden kelapan untuk tempoh taksiran dari bulan November 2009 hingga Disember 2012 berjumlah RM24,691.00.

Hujah Responden-Responden

[3]Hujah utama responden-responden adalah insentif yang dibayar kepada pekerja-pekerja responden pertama adalah tidak termasuk di bawah definisi 'upah' di bawah seksyen 2, Akta KWSP 1991.

[4]Pihak responden-responden juga berhujah bahawa sijil perakuan di bawah seksyen 64, Akta yang sama berhubung caruman tertunggak adalah tidak konklusif dan menyebut jumlah terhutang oleh responden pertama sahaja.

Hujah Pihak Perayu

[5]Pihak perayu sebaliknya berhujah bahawa bayaran insentif kepada pekerja-pekerja adalah termasuk di bawah definisi 'upah' di bawah seksyen 2, [Akta KWSP 1991](#).

[6]Dihujahkan juga bahawa sijil perakuan di bawah seksyen 64 akta yang sama adalah keterangan *prima facie* kandungan di dalamnya iaitu jumlah caruman yang tertunggak.

[7]Selain itu, dihujahkan bahawa responden kedua hingga kelapan yang merupakan pengarah-pengarah responden pertama dalam masa tertentu, bagi tempoh bulan Februari 2005 hingga Disember 2012 adalah berliabiliti secara bersama-sama dan berasingan untuk tunggakan wang caruman pada tempoh mereka menjadi pengarah.

Keputusan Mahkamah Ini

[8]Sebelum sebarang keputusan dibuat oleh mahkamah ini adalah sesuai diimbaz kembali pra-syarat bagi permohonan di bawah Aturan 14, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ini iaitu :

- (i) Defendan-defendan telah memasukkan kehadiran terhadap tindakan plaintif.
- (ii) Pernyataan tuntutan telah diserahkan kepada defendan-defendan.
- (iii) Afidavit sokongan yang menyokong permohonan penghakiman terus ini memenuhi kehendak Aturan 14 Kaedah 2.

(*National Company for Foreign Trade v Kayu Raya Sdn Bhd* [1984] 2 MLJ 300 FC).

....

[9]Seterusnya, setelah pra-syarat ini dipenuhi, bebannya berpindah kepada defendan-defendan untuk menunjukkan adanya isu untuk dibicarakan.

(*Cempaka Finance Bhd v Ho Lai Ying & Anor* [2006] 3 CLJ 544 FC).

[10]Dalam kes rayuan ini, ketiga-tiga pra-syarat yang dinyatakan telah dipenuhi oleh perayu dan oleh itu responden-responden perlu menunjukkan adanya isu untuk dibicarakan.

[11]Dalam kes ini juga, satu isu utama yang menjadi pertikaian adalah sama ada insentif adalah termasuk di bawah definisi 'upah' di bawah seksyen 2, [Akta KWSP 1991](#).

[12]Bagi saya, isu ini adalah suatu isu undang-undang yang boleh diputuskan oleh mahkamah tanpa memerlukan keterangan atau penjelasan lanjut dari saksi-saksi.

[13]Berhubung perkara ini, seksyen 2 [Akta KWSP 1991](#) telah memberi definisi upah (wages) seperti berikut :

“ *‘upah’ ertinya semua saraan dalam bentuk wang, yang kena dibayar kepada pekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisannya sama ada dipersetujui untuk dibayar secara bulanan, mingguan, harian atau selainnya termasuklah apa-apa bonus, komisen atau elaun yang kena dibayar oleh majikan kepada pekerja sama ada bonus, komisen atau elaun itu kena dibayar di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisannya atau selainnya, tetapi tidak termasuk -*

- (a) *Caj perkhidmatan*
- (b) *Bayaran lebih masa;*
- (c) *Ganjaran;*
- (d) *Faedah persaraan;*
- (e) *Faedah pengurangan pekerja, pemberhentian sementara atau penamatan;*
- (f) *Mana-mana elaun perjalanan atau nilai mana-mana konsensi perjalanan; atau*
- (g) *Mana-mana saraan atau bayaran lain sebagaimana yang dikecualikan oleh Menteri.”*

[14]Kembali kepada fakta kes rayuan ini, bayaran yang dipertikaikan sama ada perlu dibayar carumah KWSP adalah bayaran insentif kepada pekerja-pekerja responden pertama apabila sasaran jualan dicapai.

[15]Penelitian kepada definisi upah di bawah seksyen 2 tersebut, saya dapati definisi upah berkenaan adalah luas iaitu semua saraan dan bentuk wang yang dibayar kepada pekerja yang dibayar secara bulanan, mingguan, harian atau selainnya **termasuklah** bonus, komisen atau elaun.

[16]Penggunaan perkataan 'termasuklah' (includes) di bawah seksyen 2 ini adalah membawa maksud yang luas dan tidak 'exhaustive' dan perkataan semua saraan berbentuk wang yang dibayar kepada pekerja, bagi saya, adalah termasuk insentif berbentuk bayaran wang kepada pekerja-pekerja responden pertama.

[17]Berhubung isu penggunaan perkataan 'includes' ini, adalah sesuai dirujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan, *Haji Abdul Ghani bin Ishak & Anor v Public Prosecutor* [\[1981\] 2 MLJ 230](#) di mukasurat 245 yang menyatakan :

“*The first question to answer on the definition is whether it is intended to be exhaustive. After carefully examining the definition we are of the opinion that the question should be answered in the negative, that is the definition of ‘corrupt practice’ in the Ordinance is not exhaustive but extensive. In properly considering the definition the words ‘ without prejudice to the foregoing’ appearing before the second limb of the definition are important. These words indicate the general intendment of the first limb of the definition. In fact the extensive character of the definition is further enhanced by the use of the word ‘includes’ immediately after the words ‘in relation’ to the Member of a State Legislative Assembly’ appearing in the second limb of the definition. The word ‘includes’ is normally used to enlarge the ordinary meaning of a word or phrase beyond its accepted meaning as opposed to the use of the word ‘means’ which is used if the definition is intended to be exhaustive - see *Caldow Props v Low Ltd.*”*

[18]Selain itu, Mahkamah Rayuan dalam kes *Tenaga Nasional Bhd v Tehali Prospecting Sdn Bhd* [\[2002\] 2 MLJ 707](#) di mukasurat 714 menjelaskan lagi seperti berikut :

....

*“Particular emphasis is to be placed upon the word ‘includes’ in this definition. On settled principles of statutory interpretation, it is clear that **when an Act of Parliament employs the expression ‘includes’ to define some other word or expression, the intention is to leave the meaning of the expression defined open ended.** By contrast, when the word ‘means’ is employed to define something, there is a rebuttable presumption of statutory interpretation that Parliament intends to restrict the meaning of the expression defined. The difference to which we have just adverted is plainly apparent when one compares the definition of ‘equipment’ with that of ‘energy’ and ‘generation station’ also appearing in s 2 of the Act. Both the latter expressions are immediately followed by the word ‘means’.”*

[19]Selain itu, berdasarkan definisi upah di bawah seksyen 2 ini juga terdapat hanya 7 perkara di mana bayaran carumah KWSP dikecualikan iaitu perenggan (a) hingga (g). Walau bagaimana pun, bayaran insentif tidak termasuk di bawah pengecualian ini.

[20]Sehubungan itu, bayaran insentif kepada pekerja-pekerja seperti dalam kes ini adalah termasuk di bawah definisi upah yang perlu dibuat bayaran carumannya.

[21]Selain itu juga, di dalam laman sesawang KWSP, ada dinyatakan dengan jelas bahawa bayaran insentif adalah bayaran yang dikenakan caruman KWSP. Ini memberi pengetahuan kepada majikan-majikan termasuk responden pertama bahawa bayaran insentif kepada pekerja perlu dibuat caruman KWSP.

[22]Walaupun dihujahkan bahawa terdapat perjanjian antara responden pertama dengan pekerja-pekerjanya bahawa bayaran insentif kepada mereka tidak dicarumkan, perjanjian ini jelasnya bertentangan dengan peruntukan Akta KWSP 1991. Oleh itu perjanjian berkenaan tidak boleh dikuatkuasakan menurut peruntukan [seksyen 24, Akta Kontrak 1950](#).

[23]Dalam kes *Sababumi (Sandakan) Sdn Bhd v Datuk Yap Pak Leong* [1997] 1 MLJ 567 CA.; ([\[1998\] 3 MLJ 151](#) FC), Hakim Peh Swee Chin menyatakan seperti berikut :

“Section 24 appears to me to have been drafted after some fine tuning of the common law on which it is based. At common law, contracts fitting in with the said s.24(a) and (b) for contravening any law would be illegal for being against public policy, but in our Contracts Act 1950, the same contracts are covered by s. 24(a) and (b), ie under two separate subsections...

...

*At common law, a contract may be illegal by common law or by statute in either case the contract is unenforceable. It is to be borne in mind that s. 24(a) of the [Contracts Act 1950](#) involves the consideration and/or object of a contract being forbidden by law, and ‘law’ means common law or any statute. **Thus, under s.24(a) aforesaid, and agreement is illegal and unenforceable when either the consideration or the object of the agreement is to do an act forbidden by law, and this, in my view is the culled essence of some part of the common law on illegality of contract, which says in a nutshell that a contract to do an act prohibited or forbidden by statute is unenforceable and illegal. It is very important to remember that it is distinguishable from another aspect or question as to whether a statute prohibits any contract. It is illegal and unenforceable under s.24(a) aforesaid because it is a contract involving consent by both parties to do the very act prohibited by statute...**”*

[22]Selain isu bayaran insentif ini, tunggakan caruman dari bulan Februari 2005 hingga Disember 2012 dan perinciannya jelas dinyatakan di dalam Borang E, KWSP 7 dan seterusnya satu Sijil pPerakuan bertarikh 19.7.2013 dikemukakan untuk jumlah caruman tertunggak iaitu RM92,468.00. Sijil Perakuan ini adalah keterangan *prima facie* kandungannya menurut seksyen 64, [Akta KWSP 1991](#). Tiada sebarang dokumen atau keterangan affidavit jawapan dalam kes ini yang dapat menyangkal kandungan Sijil Perakuan ini dan oleh itu, tiada alasan untuk Hakim Mahkamah Sesyen untuk tidak menerima Sijil Perakuan berkenaan. Hanya semata-mata sijil ini adalah atas nama responden pertama iaitu NCH Corporation (M) Sdn Bhd dan tidak atas nama responden-responden lain bukan alasan untuk tidak menerima sijil tersebut.

[23]Liabiliti responden-responden lain sebagai pengarah-pengarah responden pertama adalah di bawah seksyen 46(1), [Akta KWSP 1991](#) tersebut yang menyatakan :

“46. Tanggungan bersama dan berasingan bagi pengarah-pengarah, dsb.

....

*(1) Jika apa-apa caruman masih tak dibayar oleh sesuatu syarikat, sesuatu firma atau sesuatu persatuan orang-orang, maka walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, **pengarah-pengarah syarikat itu termasuklah mana-mana orang yang pernah menjadi pengarah syarikat itu dalam masa tempoh yang di dalamnya caruman itu bertanggung dibayar, atau pekongsi-pekongsi firma itu, termasuklah mana-mana orang yang pernah menjadi pekongsi firma itu dalam masa tempoh yang di dalamnya caruman itu bertanggung dibayar, atau pemegang-pemegang jawatan dalam persatuan orang-orang itu, termasuklah mana-mana orang yang pernah menjadi pemegang jawatan dalam persatuan itu dalam tempoh masa yang di dalamnya caruman itu bertanggung dibayar, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah bersama dengan syarikat, firma atau persatuan orang-orang yang bertanggung untuk membayar caruman tersebut, bersama-sama dan berasingan bertanggung bagi caruman yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar kepada Kumpulan Wang.***

Kesimpulan

[24] Berdasarkan huraian di atas dan penelitian terhadap kes responden-responden, saya dapati tiada sebarang isu lain untuk dibicarakan dan kes responden-responden juga adalah tidak boleh dipertahankan.

[25] Sehubungan itu juga, rayuan perayu dibenarkan dan penghakiman terus di bawah Aturan 14, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 terhadap responden-responden adalah diperintahkan.

[26] Responden-responden juga diperintahkan membayar kos RM3,000.00 kepada perayu dan kos adalah tertakluk kepada bayaran fi alokatur.